

**DRAF UCAPAN
Y.BHG. DATIN MADINAH MOHAMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
DI MAJLIS PERASMIAN
CONFERENCE ON UNIVERSITY-INDUSTRY ICT RESEARCH
(CUIIR 2009)
INTEKMA RESORT & CONVENTION CENTRE
SHAH ALAM
4 OGOS 2009**

**Y. BHG. TAN SRI DATO' SERI PROF. DR. IBRAHIM ABU SHAH
NAIB CANSELOR UITM**

**Y. BHG IR. HAJI YAHAYA AHMAD
PRESIDEN DAN KETUA EKSEKUTIF SIRIM BERHAD**

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,

ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA,

**1. PERTAMA SEKALI, MARILAH KITA MEMANJATKAN
KESYUKURAN KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN IZIN DAN
RAHMATNYA, INISIATIF UNTUK MELAKSANAKAN
CONFERENCE ON UNIVERSITY-INDUSTRY ICT RESEARCH
ATAU (CUIIR 2009) INI DAPAT DIREALISASIKAN SEPERTI
YANG DIRANCANG. SAYA JUGA INGIN MERAKAMKAN
PENGHARGAAN KEPADA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(UITM) DAN SIRIM BERHAD KERANA MENGUNDANG SAYA**

UNTUK BERSAMA-SAMA DALAM MAJLIS INI DAN SETERUSNYA MENYAMPAIKAN ASPIRASI MOSTI TERHADAP PROGRAM INI.

HADIRIN SEKALIAN,

2. SEPERTI YANG KITA SEMUA SEDIA MAKLUM, KERAJAAN TELAH MENETAPKAN BAHAWA MALAYSIA KINI SEDANG MENUJU KE ARAH MODEL EKONOMI BERPENDAPATAN TINGGI (*HIGH INCOME ECONOMY MODEL*) YANG DITERAJUI OLEH ILMU PENGETAHUAN DAN INOVASI. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, SATU ANJAKAN PARADIGMA PERLU DILAKSANAKAN AGAR MATLAMAT INI DAPAT DIREALISASIKAN.

3. SALAH SATU BIDANG PENTING YANG TELAH DIKENAL PASTI UNTUK DIJANA DAN DIBANGUNKAN BAGI MENCAPAI MATLAMAT INI IALAH BIDANG TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT). NEGARA PERLU MEMPERTINGKATKAN PENCAPAIAN DALAM BIDANG ICT KERANA IANYA MERUPAKAN SALAH SATU KAYU UKUR SEBAGAI BUKTI KEMAJUAN SESEBUAH NEGARA.

4. MENYEDARI HAKIKAT ITU, KERAJAAN TELAH MELAKSANAKAN PELBAGAI LANGKAH DAN PROGRAM PROAKTIF BAGI MEMBANGUNKAN BIDANG ICT NEGARA. ANTARANYA DENGAN MELAKSANAKAN PROJEK KORIDOR RAYA MULTIMEDIA (MSC) BERMULA PADA 1996 SEBAGAI SEBAHAGIAN DARI VISI JANGKA PANJANG MALAYSIA UNTUK

MENJADI NEGARA MAJU DAN KAYA DENGAN PENGETAHUAN MENJELANG 2020. SELAIN ITU, KERAJAAN JUGA TELAH MENYEDIAKAN *STRATEGIC ICT ROADMAP* SEBAGAI PANDUAN HALA TUJU BIDANG ICT NEGARA SERTA MENYEDIAKAN PELBAGAI KEMUDAHAN BAGI MENGGALAKAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) YANG BERTERUSAN DALAM BIDANG INI.

HADIRIN SEKALIAN,

5. BAGI MENJAYAKAN SETIAP YANG TELAH DIRENCANAKAN, APA YANG PALING PENTING IALAH NEGARA MEMERLUKAN SUMBER MODAL INSAN YANG MAPAN DARI SEGALA ASPEK. IANYA MERANGKUMI PENGUASAAN ILMU PENGETAHUAN DAN PELBAGAI BENTUK KEMAHIRAN SERTA MEMPUNYAI CIRI-CIRI INOVATIF, KREATIF DAN PROAKTIF. KUALITI MODAL INSAN SEPERTI INI MERUPAKAN PENJANA UTAMA UNTUK MEMPERKASAKAN BIDANG ICT NEGARA TERUTAMANYA BAGI MENINGKATKAN MUTU HASIL PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D). INI PENTING KERANA, KERAJAAN TELAH MENYEDIAKAN SEJUMLAH DANA BAGI MENGGALAKKAN PENINGKATAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN, OLEH YANG DEMIKIAN, KERAJAAN MENGHARAPKAN AGAR HASIL DARI PENYELIDIKAN YANG DIJALANKAN ADALAH BERKUALITI, BERINOVASI, MEMENUHI KEPERLUAN NEGARA SERTA DAPAT KEHENDAK PASARAN MASA KINI.

HADIRIN SEKALIAN,

6. RAMAI YANG BERPENDAPAT BAHAWA TERDAPAT RAMAI GRADUAN ICT MEMBANJIRI PASARAN TENAGA KERJA NEGARA PADA MASA INI SEHINGGA MELEBIHI APA YANG DIPERLUKAN NEGARA. WALAU BAGAIMANAPUN, PADA HAKIKATNYA TERDAPAT BANYAK PELUANG YANG BOLEH DIREBUT OLEH PARA GRADUAN DALAM BIDANG INI. APA YANG PALING PENTING IALAH GRADUAN TERSEBUT PERLU DILENGKAPI DENGAN PAKEJ BERKUALITI TERUTAMANYA BAGI MEMENUHI KEPERLUAN PIHAK INDUSTRI ICT SAMA ADA DI PERINGKAT TEMPATAN MAHUPUN ANTARABANGSA.

7. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, PENGANJURAN PERSIDANGAN INI ADALAH TEPAT PADA MASANYA SEBAGAI MEDIUM INTERAKTIF BAGI MEMBOLEHKAN PIHAK KERAJAAN, INSTITUSI PENYELIDIKAN TINGGI DAN INDUSTRI UNTUK SALING BEKERJASAMA BAGI Mencari penyelesaian dan mengenalpasti isu dan permasalahan dalam bidang ini.

8. MOSTI PERCAYA KOLABORASI BIJAK DAN USAHA BERSEPADU INI AKAN DAPAT MENINGKATKAN LAGI DAYA SAING SERTA PEMBANGUNAN INDUSTRI ICT NEGARA. SELAIN ITU PERSIDANGAN SEUMPAMA INI JUGA MERUPAKAN SATU USAHA UNTUK MENINGKATKAN DAN MEMPERCEPATKAN PERTUKARAN MAKLUMAT SERTA PERKONGSIAN IDEA ANTARA AHLI AKADEMIK, SAINTIS DAN PIHAK INDUSTRI. PERSIDANGAN INI JUGA MERUPAKAN SATU

PLATFORM BAGI PERCAMBAHAN MINDA DAN PERBINCANGAN SERTA MENJADI RUANG UNTUK MEMPERKUKUHKAN JALINAN JARINGAN KERJASAMA YANG SEDIA ADA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

9. JUSTERU, MOSTI AMAT MENGGALAKKAN DAN MENYERU AGAR LEBIH BANYAK KOLABORASI SEUMPAMA INI DILAKSANAKAN AGAR MATLAMAT DAN VISI NEGARA AKAN TERCAPI DENGAN JAYANYA. SAYA BERHARAP PERSIDANGAN INI AKAN DAPAT MEMBERI MANFAAT DAN IMPAK YANG MAKSIMUM KEPADA SEMUA PIHAK.

10. AKHIR SEKALI, SAYA MENGUCAPKAN SELAMAT MAJU JAYA KEPADA SEMUA PESERTA PERSIDANGAN DAN DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, SAYA MERASMIKAN “CONFERENCE ON UNIVERSITY-INDUSTRY ICT RESEARCH (CUIIR 2009).”

TERIMA KASIH. WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.